



## KENYATAAN MEDIA BERSAMA

28 Januari 2019

Pulau Pinang

No Rujukan: PBBPP.PM.100-2/1/3 (9)

### **PENGUNJUNG BOLEH MENIKMATI WI-FI PERCUMA DI BUKIT BENDERA, OLEH UNIFI**

Perkhidmatan Wi-Fi yang dinanti-nantikan melalui **wifi@unifi** kini boleh didapati di Bukit Bendera! Pelawat boleh menikmati perkhidmatan internet secara PERCUMA sewaktu melawat puncak Pulau Mutiara.

Perkhidmatan Wi-Fi percuma ini adalah satu inisiatif Perbadanan Bukit Bendera (PBBPP) dengan kerjasama Telekom Malaysia Bhd (TM) di mana perkhidmatan ini dikendalikan sepenuhnya oleh Telekom Malaysia, termasuk pemasangan kabel gentian optik dan router, serta perkhidmatan penyelenggaraan.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow berkata, "PBBPP gembira dapat bekerjasama dengan TM dalam projek ini dalam usaha meningkatkan perkhidmatan rangkaian internet di kawasan utama di Bukit Bendera, menjadikan pengunjung mudah untuk berhubung sambil meluangkan masa mereka di sini. Kerjasama ini juga menunjukkan komitmen PBBPP untuk terus meningkatkan infrastruktur dan kemudahan di kawasan puncak bukit yang indah ini. "

Chow merupakan Pengerusi Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang.

"Melalui kerjasama yang dijalankan, orang ramai boleh menikmati internet berkelajuan tinggi sambil menikmati pemandangan yang menakjubkan. Kerjasama ini merupakan satu lagi komitmen kami untuk memenuhi aspirasi Kerajaan bagi menjadikan akses internet dapat dilayari pada bila-bila masa, di mana jua untuk memberikan gaya hidup digital dan memenuhi janji kami iaitu 'Hidup Lebih Mudah.'" Kata Encik Kelvin Lee, Pengurus Besar Telekom Malaysia Negeri Pulau Pinang.

Dengan perkhidmatan **wifi@unifi**, pengunjung boleh menikmati rangkaian Wi-Fi percuma di Stesen Bawah, Stesen Atas, kawasan Astaka (Cliff Cafe), dan kawasan Dataran. Objektif inisiatif ini adalah bertujuan untuk membolehkan pengunjung berhubung di kawasan utama Bukit Bendera sementara menunggu giliran untuk menaiki funikular.

Pengunjung juga boleh memuat naik gambar yang menarik dari pemandangan yang memukau serta keindahan flora dan fauna yang telah mereka rakam sewaktu melawat Bukit Bendera serta berkongsi kenangan manis dengan rakan-rakan dan keluarga mereka melalui media sosial dengan serta-merta.



Perkara ini secara tidak langsung dapat membantu mempromosikan kepelbagaian tarikan di Bukit Bendera seperti warisan seni bina, pemandangan yang indah dan udara segar serta keindahan yang tersembunyi di hutan hujan tropika ini.

Selain itu, inisiatif ini akan menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri SMART, sejajar dengan Wawasan Kerajaan Negeri 2030, dengan salah satu daripada empat visinya iaitu '*Invest in Built Environment*' dengan memberi penekanan kepada pengukuhan mobiliti, liputan serta infrastuktur digital.

Pengguna boleh menggunakan perkhidmatan Wi-Fi percuma ini melalui aplikasi '*i-foundit!*' yang boleh dimuat turun melalui *Google Play Store* dan *Apple App Store*. Aplikasi ini menempatkan hotspot Wi-Fi dan menghubungkan pengguna kepada hampir 14,000 wifi@unifi hotspot di seluruh negara; termasuk pusat membeli-belah, lapangan terbang dan restoran. Perkhidmatan ini disediakan secara **PERCUMA** kepada orang awam sehingga notis selanjutnya dikeluarkan.

Untuk menikmati wifi@unifi, sila ikuti langkah-langkah berikut:

- 1) Pastikan anda telah mengaktifkan Wi-Fi pada peranti anda dan pilih "wifi@unifi" SSID dari senarai rangkaian yang terdapat di Bukit Bendera.
- 2) Anda akan dibawa ke halaman utama untuk memuat turun aplikasi '*i-foundit!*' melalui *Apple App Store* atau *Google Play Store*.
- 3) Lengkapkan pendaftaran dalam aplikasi '*i-foundit!*' untuk mendaftar kata laluan Wi-Fi anda
- 4) Sebaik sahaja ID dan kata laluan telah disahkan, anda boleh menggunakannya di halaman utama untuk menikmati Wi-Fi secara percuma.

Pihak PBBPP ingin mengucapkan terima kasih kepada Telekom Malaysia diatas kerjasama dalam menyediakan perkhidmatan Wi-Fi ini. PBBPP akan terus meningkatkan perkhidmatannya untuk memberikan pengalaman yang menarik kepada pengunjung Bukit Bendera.

# TAMAT #



## **Mengenai Perbadanan Bukit Bendera**

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, memulihara dan membangunkan Bukit Bendera sebagai destinasi eko-pelancongan utama dan visinya adalah menjadikan Bukit Bendera sebagai destinasi bukit peranginan terunggul di Malaysia dan di rantau ini.

Sila lawati [www.penanghill.gov.my](http://www.penanghill.gov.my) untuk maklumat lanjut mengenai Bukit Bendera.

## **Mengenai unifi**

unifi, sebuah jenama utama di bawah Telekom Malaysia Berhad (TM), merupakan satu-satunya jenama konvergensi yang menawarkan kepada anda empat produk terancang dari sudut teknologi – unifi Home, unifi Mobile, unifi TV dan unifi Wifi, semuanya di bawah satu bumbung.

Sebagai peneraju dalam sambungan yang menyeluruh, unifi membolehkan penciptaan detik-detik bermakna untuk anda dalam dunia yang sentiasa terhubung hari ini. Justeru menepati aspirasi unifi untuk menjadi yang terbaik untuk para pelanggan, menjadi Pilihan Sempurna.

Untuk maklumat lanjut mengenai unifi, layari [www.unifi.com.my](http://www.unifi.com.my).

## **Mengenai TM**

Telekom Malaysia Berhad (TM), Peneraju Konvergensi Negara dan Penyedia Perkhidmatan Komunikasi Berintegrasi No. 1 di Malaysia, menawarkan himpunan perkhidmatan dan penyelesaian komunikasi yang menyeluruh menerusi perkhidmatan tetap (telefoni dan jalur lebar), mobiliti, kandungan, WiFi, ICT, Awan dan perkhidmatan pintar. Sebagai peneraju pasaran, TM dipacu oleh penciptaan nilai pihak berkepentingan dalam persekitaran yang amat kompetitif. Kumpulan juga sentiasa memberi tumpuan kepada pengalaman pelanggan yang dipertingkatkan melalui usaha-usaha peningkatan kualiti dan inovasi khidmat pelanggan yang berterusan, sambil memfokus kepada peningkatan kecekapan operasi dan produktiviti.

Untuk maklumat lanjut mengenai TM, lawati [www.tm.com.my](http://www.tm.com.my)



## Media Contact:

### Penang Hill Corporation

Chris Koay  
Senior Public Relations Officer  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[shkoay@penanghill.gov.my](mailto:shkoay@penanghill.gov.my)

Lee Shew Yean  
Public Relations Officer  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[sylee@penanghill.gov.my](mailto:sylee@penanghill.gov.my)

## TM

- |   |  |   |
|---|--|---|
| 1 | Asma Abdul Aziz<br>Assistant General Manager<br>Media Management, PR and Publications<br>Group Brand and Communication, TM | Tel: (03) 2240 3840<br>HP: (013) 364 1830<br>Email: <a href="mailto:asma_aa@tm.com.my">asma_aa@tm.com.my</a>  |
| 2 | Saiful Azni Matmor<br>Manager<br>Media Management, PR and Publications<br>Group Brand and Communication, TM                | Tel: (03) 2240 2617<br>HP: (013) 360 3496<br>Email: <a href="mailto:msaiful@tm.com.my">msaiful@tm.com.my</a>  |
| 3 | Zuraini Mohammad<br>Manager<br>Public Relations and A&P, TM Penang   | Tel: (04) 331 6332<br>HP: (013) 422 8966<br>Email: <a href="mailto:zurainim@tm.com.my">zurainim@tm.com.my</a> |